

19 OCT 2003

Umno-Menang

UMNO T'GANU MAHU HADIAHKAN KEMENANGAN BN KEPADA DR MAHATHIR

DUNGUN, 19 Okt (Bernama) -- Umno Terengganu akan memastikan Barisan Nasional (BN) dapat menawan kembali negeri itu pada pilihan raya umum akan datang sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara hujung bulan ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu Datuk Idris Jusoh berkata, kemenangan itu adalah hadiah paling istimewa yang dapat diberikan kepada Dr Mahathir, yang banyak berjasa kepada negara dan parti.

"Mungkin ada yang tidak yakin mengenainya (kemenangan BN) tetapi kami sangat optimis bahawa kemenangan (pada pilihan raya umum nanti) akan menjadi hadiah paling istimewa kepada Perdana Menteri.

"Umno Terengganu mahu menghadiahkannya dan kami sedang berusaha gigih untuk menawan semula Terengganu daripada Pas," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Pusat e-Komuniti Wilayah Ketengah di Ketengah Jaya di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau melancarkan dua pusat berkenaan iaitu bagi Kampung Ketengah Jaya dekat sini dan Kampung Lubuk Lesong, Kemaman.

Idris berkata kejayaan program simulasi di seluruh Terengganu semalam adalah bukti jelas bahawa "Gelombang Biru" sedang kuat melanda Terengganu dengan rakyat sudah mahukan perubahan dan tidak lagi sabar untuk menanti tarikh pilihan raya umum.

"Sambutan luar dugaan rakyat terhadap BN menambah keyakinan bahawa kami boleh mencapai kemenangan," katanya.

Ketika ditanya mengenai persiapan BN Terengganu untuk menghadapi pilihan raya umum, Idris yang juga Pengerusi BN Negeri menegaskan bahawa pihaknya sudah pun bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa.

"Semua sudah sedia dan kami tidak kisah bila pilihan raya umum hendak diadakan kerana kami kini sudah pun bersiap sedia bagi menghadapi pilihan raya," katanya.

-- BERNAMA

AYB ERE PR